

30 JUL 2003

Gerakan-Pindaan

GERAKAN AKAN CADANG LIMA PINDAAN UTAMA PADA PERLEMBAGAANNYA

KUALA LUMPUR, 30 Julai (Bernama) -- Semua pengerusi perhubungan negeri parti Gerakan secara automatik akan menjadi anggota Jawatankuasa Pusat di bawah cadangan pindaan yang akan dibentangkan di Persidangan Perwakilan Kebangsaan ke 32 yang bermula di sini pada 22 Ogos ini.

Setiausaha Agung Gerakan Chia Kwang Chye berkata, cadangan itu merupakan antara lima pindaan utama bagi perlembagaan parti yang akan diputuskan oleh perwakilan semasa persidangan dua hari itu.

Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad yang merupakan pengerusi Barisan Nasional (BN) akan merasmikan persidangan itu yang akan berlangsung di ibu pejabat parti di sini.

Chia yang merupakan Setiausaha Parlimen Kementerian Tenaga, Komunikasi dan Multimedia berkata, perwakilan kebangsaan itu dengan tema "Pembaharuan Bagi Abad ke 21" tidak akan menyaksikan pemilihan bagi anggota jawatankuasa parti.

Lebih kurang 30 pindaan akan dibentang dan dibahaskan oleh 1,500 perwakilan, kata beliau kepada pemberita mengenai persiapan bagi persidangan perwakilan itu di ibu pejabat parti.

Beliau berkata satu cadangan juga akan dibentangkan untuk membenarkan jumlah maksimum 18 cawangan dibentuk dalam setiap bahagian, lebih enam berbanding 12 sekarang ini.

Chia berkata ia akan membenarkan penyertaan lebih luas dari peringkat akar umbi.

Satu cadangan juga akan dibuat untuk membenarkan cawangan-cawangan kecil dibentuk mengikut kawasan pengundian.

Beliau berkata satu pindaan juga akan dikemukakan untuk meningkatkan bilangan anggota majlis seumur hidup kepada 300 orang daripada lebih kurang 150 orang sekarang ini.

Mereka yang layak untuk menjadi anggota seumur hidup harus merupakan anggota parti untuk tidak kurang daripada tempoh 20 tahun dan bukan lagi 15-tahun seperti sekarang ini.

-- BERNAMA

HM AZZ PR